

Kajian Literatur Ciri-ciri Pendakwah Wanita dalam Membina Penghargaan Kendiri Remaja

BITARAVolume 2, Issue 4, 2019: 114-123
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Nabilah Norzli,¹ Berhanuddin Abdullah,¹ Fariza Md Sham,² Zawawi Yusoff,¹
Nor Salimah Abu Mansor,¹ Moustafa Hassan Mohamed El Khaiat¹
& Normila Noruddin¹

Abstrak

Remaja pada masa kini banyak terdedah dengan masalah sosial dan ia mendatangkan kesan kepada akhlak yang tidak baik. Selain daripada pendakwah lelaki, golongan wanita juga didorong oleh rasa kecaknaan sebagai seorang pendakwah turut sama memberi sumbangan kepada permasalahan remaja masa kini terutama dalam kalangan remaja perempuan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri pendakwah (wanita) dalam membina penghargaan kendiri remaja. Reka bentuk kajian ialah kualitatif menerusi analisis kandungan. Hasil dapatan kajian mendapati ciri-ciri pendakwah (wanita) yang terdiri daripada berilmu pengetahuan, berketerampilan Islam, berakhhlak, memberi contoh teladan yang baik, lembut lunak dan hatinya sentiasa mengingati Allah s.w.t. Melalui ciri-ciri itu dapat membantu dan membentuk penghargaan kendiri remaja kepada yang lebih baik seperti sentiasa tenang, bersikap lebih terbuka, mudah berinteraksi, dan tidak mudah mengalah dalam mencari kebenaran dan sanggup menghadapi sebarang cabaran dan dugaan.

Kata Kunci

Pendakwah Wanita, Penghargaan Kendiri, Remaja

Cite This Article:

Nabilah Norzli, Berhanundin Abdullah, Fariza Md Sham, Zawawi Yusoff, Nor Salimah Abu Mansor, Moustafa Hassan Mohamed El Khaiat & Normila Noruddin. 2019. Kajian literatur ciri-ciri pendakwah wanita dalam membina penghargaan kendiri remaja. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(4): 114-123.

Pengenalan

Dakwah merupakan ajakan kepada satu mesej tauhid ke jalan Allah s.w.t. dan perlu disebarluaskan kepada masyarakat. Dakwah ialah mengajak kepada Islam, mengikut petunjuk-Nya, mengukuhkan manhaj-Nya di muka bumi, beribadah kepada-Nya, memohon pertolongan dan taat hanya kepada-Nya, melepaskan diri dari semua ketaatan kepada selain-Nya, membentarkan apa yang dibenarkan oleh-Nya, menjauhi apa yang dilarang-Nya, menyeru kepada yang makruf, mencegah yang mungkar, dan berjihad di jalan Allah (Akram Kassab, 2010). Setiap

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

² Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Berhanuddin Abdullah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu MALAYSIA.

E-mail: berhan@unisza.edu.my

dakwah yang disebarluaskan mempunyai pengajaran dan hikmah yang tersendiri dan ia juga tidak merugikan apabila mengetahuinya.

Dakwah juga boleh disebarluaskan oleh sesiapa sahaja dan setiap orang mempunyai hak untuk berdakwah dengan cara tersendiri. Bagaimanapun, terdapat juga had yang perlu dijaga kerana setiap orang mempunyai perwatakan tersendiri dan pendekatan yang berbeza. Baik pendakwah lelaki atau pun wanita mempunyai pendekatan masing-masing. Pengertian pendakwah (da'i) di dalam al-Quran ialah orang yang menyeru manusia kepada agama Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Ahzab:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا (٤٥) وَدَاعِيًّا إِلَى اللَّهِ بِإِيمَانِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا (٤٦)

Maksud: (45) Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar). (46) dan juga sebagai Penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada ugama Allah dengan taufiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi (Surah al-Ahzab: 45-46).

Ayat di atas menerangkan pendakwah (da'i) berperanan dalam menyeru manusia ke jalan Allah s.w.t., mencegah segala kemungkaran dan membimbing manusia arah kebaikan di muka bumi ini (Zulkifli, Yusuf, Syarul dan Mariam, 2015). Segala perbuatan yang berpaksikan syariah Allah s.w.t. perlu dilakukan oleh pendakwah kerana ia adalah tugasnya.

Walaubagaimanapun, sebagai seorang pendakwah perlulah mempunyai ciri-ciri yang menepati kerana mereka akan melalui masalah dari segi fizikal dan mental. Kesabaran juga antara kekuatan yang perlu ada di dalam diri pendakwah. Apabila kurangnya tahap kesabaran mereka, pendakwah akan terjejas dan kemungkinan masalah lain yang akan timbul. Oleh itu, pentingnya tahap kesabaran seseorang individu terutamanya kepada pendakwah.

Sebelum ini pendakwah lelaki lebih ramai berbanding pendakwah wanita. Kini, ramai pendakwah wanita yang tampil bersama dalam menyebarkan dakwah. Agama Islam membolehkan para wanita untuk bekerja di luar rumah, sekiranya terdapat keperluan. Wanita pada zaman sekarang tidak mempunyai pilihan untuk bekerja kerana keadaan pada masa kini yang memaksa mereka turut serta dalam pembangunan masyarakat (Kaulah, 1997). Perubahan zaman kini banyak mengubah masyarakat dalam memperjuangkan dan mempertahankan nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Malahan, di dalam al-Quran mengiktirafkan status manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi dan seluruh alam, sesuatu yang baik sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Quran (Izzat, 1981). Firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran:

وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنْثَى (٣) إِنَّ سَعْيَكُمْ لَشَّى (٤)

Maksud: (3) Demi yang menciptakan (makhluk-makhlukNya) lelaki dan perempuan, (jantan dan betina). (4) Sesungguhnya amal usaha kamu adalah berbagai-bagai keadaannya (Surah al-Layl: 3-4).

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah s.w.t. telah memberikan tahap yang sama kepada lelaki dan perempuan, dan yang membezakan keduanya adalah usaha dan tingkah laku masing-masing. Setiap orang boleh melakukan perbuatan baik dan buruk serta bertanggungjawab di atas perbuatan mereka (Faisal, 1993). Mereka juga yang menentukan jalan mana mereka akan harungi selagi mereka berasa selesa dikedudukan sendiri.

Selain itu, dengan masalah akhlak remaja pada masa kini menunjukkan penghargaan kendiri remaja semakin terpesong daripada ajaran Islam. Menurut Azizi (2005), penghargaan kendiri ialah penilaian seseorang terhadap dirinya sendiri, iaitu sama ada positif atau negatif.

Pelbagai pengaruh dan pemikiran yang menimpa masyarakat juga mengakibatkan berleluasanya pengaruh dan pemikiran tersebut sama ada positif atau negatif. Oleh itu, ciri-ciri pendakwah amat penting dalam melaksanakan dakwah mereka kerana *mad'u* akan menjadikan mereka sebagai contoh ikutan untuk berhadapan dengan pengaruh dan pemikiran yang sedang berkembangan.

Sorotan Karya

Pendakwah Wanita

Abd al-Karim Zaydan (2009) menjelaskan maksud, dakwah ialah panggilan ke jalan Allah s.w.t. Ia bererti jalan yang disyariahkan Allah s.w.t di dalam kehidupan manusia. Zaki Masy'al (1985) juga, mengulas tentang dakwah sebagai kebangkitan ulama dan orang yang mempunyai kesedaran dalam agama dengan melaksanakan tugas mengajar orang ramai ilmu dan pengajaran ke jalan dunia dan akhirat. Dakwah juga merupakan satu tanggungjawab kepada orang yang mempunyai ilmu pengetahuan tentang agama dan membantu dalam membimbang masyarakat ke jalan yang lurus.

Pendakwah terdiri daripada mereka yang berilmu, menyampai dan, membimbang, melatih, sabar, tabah dan semangat perjuangan yang tinggi. Mohd Ismail (2006), mendapati bahawa bahawa pendakwah perlu bijaksana dalam menjalankan dakwah mereka bagi memastikan keberkesanannya. Para pendakwah juga perlu memastikan *mad'u* dalam keadaan selesa dan terkesan dengan dakwah yang disampaikan. Antara contohnya, wanita pada hari ini memerlukan pendakwah wanita untuk menerangkan persoalan berkaitan wanita. Hal ini turut diakui oleh beberapa pendakwah lelaki yang turut terlibat dalam kajian (Mimi Hanida, 2008). Selain itu, Azyyati (2015) menyatakan pendakwah wanita yang memiliki kesedaran yang tinggi dalam ajaran Islam, dapat menjadi pendorong utama untuk melaksanakan kehidupan yang menurut kehendak ajaran Islam. Di samping tampil dalam kalangan kaum wanita untuk berdakwah dengan secara yang tidak bertentangan dengan fitrah manusia yang diciptakan oleh Allah s.w.t. Pendakwah wanita dapat membezakan mana yang haq dan yang batil serta tidak melepas batas yang ditetap oleh syariat Allah s.w.t (Kaulah, 1997), yang memberi maksud seperti hak-hak dan tanggungjawab wanita.

Dalam kajian Nurul (2017) menyatakan bahawa pendakwah di Raudhatus Sakinah akan mengelakkan diri sejauh-jauhnya daripada berkasar, memaki ataupun memukul. Mereka berpegang teguh dengan pendekatan dakwah dengan kasih sayang dan membina *ukhuwwah* untuk menyentuh hati para remaja. Ini kerana, apabila pendakwah menggunakan kekerasan

terhadap remaja, pendakwah tidak akan dapat menyampaikan apa yang perlu disampaikan dan remaja pula akan menjauhkan diri daripada pendakwah.

Justeru, bagi memastikan kelancaran dakwah dan keberkesanannya, pendakwah berusaha mengenali setiap seorang daripada penghuni agar dapat menyediakan pelan dakwah mengikut peribadi dan keseriusan masalah mereka (Nurul, 2017). Pendekatan dakwah berlandaskan penyelesaian masalah akan memudahkan para pendakwah melaksanakan tugas dengan sempurna dan dapat merasai pengalaman pahit yang sedang dialami oleh remaja.

Ciri-Ciri Pendakwah (Wanita)

Setiap pendakwah (wanita) perlu mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan kerana ia amat penting dalam membantu dan membimbing *mad'u*. Ciri-ciri seorang pendakwah wanita juga tidak berbeza dengan pendakwah lelaki dan boleh dijadikan model teladan masyarakat kini.

Berilmu pengetahuan: Firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran:

بِرْفَعَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ (١١)

Maksudnya: Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) beberapa darjat (Surah al-Mujaadilah: 11)

Ayat di atas menerangkan tentang keutamaan dalam mendalami ilmu pengetahuan dan tidak mendatangkan kerugian kepada manusia apabila mempelajarinya. Terutamanya kepada pendakwah perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi dan pendekatan untuk mendekati *mad'u* kerana setiap individu mempunyai tingkahlaku yang berbeza. Maka, pendakwah perlulah belajar sebelum melaksanakan dakwah dan melakukan amalan, supaya pendakwah tahu apa yang akan dilakukannya, apa yang dapat ditujunya dan bagaimana cara untuk sampaikan ke tempat tujuannya (Kaulah, 1997).

Oleh itu, para pendakwah seharusnya melapangkan masa dan jiwa dengan mempelajari ilmu pengetahuan Islam dengan sepenuh hati agar dapat membimbing generasi seterusnya (Al-Qardhawi, 2009).

Berpenampilan Islam: Penampilan diri pendakwah merupakan sebahagian imej yang perlu ditonjolkan bagi membina keyakinan *mad'u* (Raudah, 2013). Penampilan seorang pendakwah wanita juga perlu terdiri daripada yang menjaga tubuh badannya daripada tontonan khayal ramai. Agama Islam telah mengajar para wanita Islam untuk menutup tubuh badan dan menjaga aurat mereka daripada pandangan orang lain. Malah, di dalam Islam juga memerintahkan para wanita untuk berhijab iaitu berpakaian mengikut agama dan mengharamkan wanita menggunakan pakaian yang mendedahkan aurat mereka (Kaulah, 1997). Sebagaimana di dalam al-Quran, Allah s.w.t. telah berfirman:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَخْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيُضْرِبْنَ بُخْمُرَهُنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتَهُنَّ (٣١)

Maksudnya: Dan Katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka (Surah An-Nuur: 31)

Berakhlak: Akhlak ialah suatu perbuatan yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu tanpa berfikir dan merancang (Ibn Miskawayh, 1966). Akhlak juga yang menjadikan seseorang itu bertindak di luar jangkaan dan ia terhasil daripada jiwa mereka sendiri. Selain itu, akhlak juga terdiri daripada syariat Islam dan segala ajaran serta amalan syariat menjadikan pendakwah berakhlak baik.

Antara contoh akhlak baik ialah, berhati mulia, ikhlas dan menjauhi segala perbuatan yang mungkar (Raudah, 2013). Setiap ciri-ciri akhlak baik perlu terdapat di dalam diri setiap pendakwah kerana mad'u lebih tertarik mendekati apabila pendakwah bersikap sedemikian.

Memberi contoh teladan yang baik: Teladan yang baik merupakan suatu perbuatan budi pekerti Islam yang dapat disaksikan dan menimbulkan kegemaran, penghormatan dan kecintaan kepada setiap orang yang melihatnya (Kaulah, 1997). Setiap perbuatan dan kata-kata pendakwah sentiasa dilihat dan dijadikan juga sebagai ikutan masyarakat masa kini.

Segala perwatakan pendakwah perlu dititikberatkan dalam kehidupan mereka dan tidak boleh dipandang remeh kerana ia boleh menjadi isu yang besar sehingga mencemarkan nama baik pendakwah dan mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat.

Lembut lunak: Setiap pendakwah perlu mempunyai sifat-sifat yang baik, kasih sayang dan lembut lunak yang dapat membuat hati *mad'u* tertarik dan jiwa mereka terpikat (Kaulah, 1997). Ini kerana, setiap manusia mahukan perhatian, penjagaan, kasih sayang dan kerelaan hati daripada individu lain. Apabila pendakwah mempunyai sifat tersebut, *mad'u* lebih mudah mengikutinya dan sekiranya pendakwah bersikap sebaliknya seperti bersikap kasar dengan *mad'u*, maka *mad'u* akan lari daripadanya walaupun apa yang disampaikannya adalah benar.

Hatinya sentiasa mengingati Allah s.w.t: Sebagai makhluk Allah di muka bumi ini, pendakwah perlu menyedari tentang peranan dan tanggungjawab kepada Allah s.w.t. Hanya Allah s.w.t, tempat manusia menyandarkan harapan dan sebagai tempat bergantung di dalam keadaan baik atau sebaliknya. Apabila pendakwah mempunyai hati yang sentiasa mengingati Allah s.w.t., dapat menjadikan pendakwah seorang mukminah yang teguh dan tetap dalam pendirian (Kaulah, 1997). Malahan, pendakwah akan lebih berasa dekat dan dapat menambahkan keimanan kepadaNya.

Penghargaan Kendiri Remaja

Dalam kajian Fauziah, Norulhuda, Khadijah, Mohd Suhaimi, Noremy & Salina Nen (2012) menunjukkan bahawa remaja yang terpengaruh dengan masalah sosial mempunyai pengetahuan agama yang sederhana dan tidak meyakinkan. Ia juga disebabkan remaja mempunyai penghargaan kendiri yang rendah menjadikan mereka lebih bermasalah dan tidak berdisiplin. Kajian lalu oleh Anidah Ithnin (1991) mengenai remaja normal dan berada dalam

emosi yang stabil mempunyai konsep kendiri yang lebih tinggi daripada remaja yang mempunyai akhlak yang kurang baik. Walaubagaimanapun, remaja yang mempunyai penghargaan kendiri yang rendah masih boleh lagi dibimbing dengan sebaiknya.


Seterusnya, kajian Rogers (1951) menunjukkan bahawa adanya hubungan antara konsep kendiri dengan tingkah laku remaja. Apabila penghargaan kendiri remaja yang tinggi, menjadikan remaja berjaya untuk positif di dalam kehidupan mereka tetapi jika sebaliknya, akan mengundang sifat negatif di dalam diri mereka sehingga tidak berasa yakin dengan diri sendiri. Ia juga menyebabkan tingkah laku remaja berubah-ubah mengikut penilaian masing-masing.

Marsh dan Craven (2003), rnenyetujui bahawa keseronokan, penghargaan dan kejayaan akan meningkatkan konsep kendiri manusia, manakala kesedihan, penghinaan dan kegagalan akan membentuk konsep kendiri manusia yang rendah. Malahan, setiap perkara yang dialami oleh remaja akan membentuk penghargaan kendiri diri mereka.

Sebagaimana di dalam kajian lalu mendapati pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang tinggi biasanya mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, motivasi diri yang tinggi dan kurang terlibat dengan masalah tingkah laku delinkuen (Asma, Manzoor & Muhammad, 2010). Ini dapat dilihat bahawa penghargaan kendiri memainkan peranan dalam membentuk remaja mengikut acuan yang telah mereka perolehi.

Metodologi Kajian

Kajian perpustakaan ini menggunakan menggunakan kajian-kajian lepas dan perbandingan ulama' bagi meningkatkan dalam bidang Islam dan dakwah. Terdapat juga, petikan daripada al-Quran, hadith dan kandungan buku yang membincangkan tentang pendakwah wanita dan penghargaan kendiri remaja dari perspektif Islam.



Rajah1: Kerangka Konseptual Teori Kajian

Definisi Istilah

Pendakwah wanita: Pendakwah ialah pembawa misi atau risalah. Pendakwah wanita juga mempunyai tanggungjawab yang melebihi dari wanita lain (Kaulah, 1997). Pendakwah merupakan seseorang yang mengajak kepada kebaikan, membimbing manusia dengan cara yang berkesan tanpa menghukum mereka, menyalahkan mereka dan memaksa mereka untuk berubah tanpa mengira kepayahan dan cabaran yang mereka hadapi (Nurul, 2017). Dengan menyedari dan memahami hak-hak dan kewajipannya, maka keupayaan untuk menyedarkan wanita secara bersungguh-sungguh akan lebih berkesan apabila dilakukan oleh dakwah daripada kaum wanita kepada golongan wanita yang lain pula (Azzyati, 2015).

Penghargaan kendiri: Konsep maruah atau kehormatan yang sinonim dengan makna agama dan menjelaskan takrifan akhlak. Ia merujuk kepada beberapa perkataan, antaranya: kelakuan, adat, maruah dan agama (Yusuf & Rifaie, 2010).

Remaja: Remaja ialah proses perkembangan ke arah kematangan tubuh, akal, jiwa dan sosial (Rida, 2000).

Perbincangan dan Analisis

Firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran:

وَدَاعِيَا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا (٤٦)

Maksudnya: Dan juga sebagai Penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada ugama Allah dengan taufiq Yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi (Surah al-Ahzab: 46)

Ayat di atas menerangkan bahawa pendakwah merupakan pembawa misi agama Islam dan ia adalah tanggungjawab yang perlu dipikul dalam menyampaikan dakwah kepada *mad'u* (Raudah, 2013). Pendakwah juga ialah seseorang yang berilmu pengetahuan tentang Islam dan membantu serta membimbing orang yang memerlukan ilmu pengetahuan Islam dan lain-lain. Pendakwah juga merupakan seseorang yang mengajak kepada kebaikan, membimbing manusia dengan cara yang berkesan tanpa menghukum mereka, menyalahkan mereka dan memaksa mereka untuk berubah tanpa mengira kepayahan dan cabaran yang mereka hadapi (Nurul, 2017).

Pendakwah juga perlu mempunyai ciri-ciri seperti berilmu pengetahuan, berpenampilan Islam, berakhhlak, memberi contoh teladan yang baik, lembut lunak dan hatinya yang mengingati Allah s.w.t. Selain itu, pendakwah mestilah menjadi pendengar masalah yang baik dan berlembut ketika berurusan dengan *mad'u*. Walaupun apa yang dikongsikan oleh *mad'u* itu banyak, pendakwah perlu mendengarnya dan boleh juga menyampaikan dakwah serba sedikit daripada ceritanya.

Terdapat banyak ciri-ciri lain yang perlu ada di dalam diri seorang pendakwah dan ciri-ciri yang telah dinyatakan adalah sebahagian daripadanya. Setiap pendakwah perlu mempunyai ciri tersebut kerana ia dapat membantu dalam melaksanakan dakwah yang terdiri daripada

situasi yang berbeza. Suraiya Ishak (2011) menyatakan bahawa Rasulullah sendiri sebagai contoh ikutan pendakwah telah mempraktikkan kaedah membina hubungan baik ini. Contohnya, baginda sentiasa berlemah-lembut dalam tingkah laku dan perkataan serta peka terhadap emosi orang lain. Baginda juga sentiasa berdamping dengan setiap pengikut baginda tanpa mengira status mereka. Oleh itu, pendakwah perlu mengambil contoh, pengajaran, iktibar dan hikmah yang ada di dalam kedua-dua sumber utama. Zulkifli (2004) menyebut bahawa al-Quran merupakan manual kepada pengekalan kebaikan dan pencegahan kepada gejala yang melibatkan kerosakan selain dapat memberi solusi kepada masalah umat. Masalah penghargaan kendiri remaja merupakan salah satu masalah umat pada masa kini.

Melalui masalah tersebut, pendakwah wanita dapat membantu remaja terutamanya remaja perempuan dengan keutamaan ciri-ciri pendakwah wanita yang ada pada diri pendakwah. Betapa pentingnya ciri-ciri pendakwah wanita kerana dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dan menunjukkan teladan yang baik sehingga difahami sendiri oleh masyarakat. Selain itu, pendakwah wanita juga dapat menjadi role model kepada remaja perempuan dan beransur-ansur dalam membimbing mereka dengan pendekatan masing-masing. Malahan, setiap ciri tersebut dapat membantu dalam mengubah dan meningkatkan darjah serta imej wanita Islam tersendiri. Ia juga dapat membina penghargaan kendiri remaja dengan lebih tinggi.

Mohd Salleh (1994) menyatakan, konsep kendiri adalah perasaan, nilai, matlamat dan kepercayaan seseorang pada dirinya sebagai orang yang unik. Penghargaan kendiri amat penting kerana seseorang itu dapat mengenali diri mereka masing-masing walaupun unik. Setiap individu mempunyai tingkahlaku yang berlainan dan ia tidak akan sama seperti orang lain kecuali mereka mengikutinya.

Dari perspektif Islam, penghargaan kendiri didorong oleh sahsiah atau akhlak seseorang (Azizi, Fawziah, Zurihanmi & Noordin (2005)). Akhlak yang terdiri daripada akhlak yang baik dan yang buruk. Ia sama seperti penghargaan kendiri yang positif dan negatif dan kedua-duanya terdapat di dalam diri seseorang individu.

Penghargaan kendiri selalunya berkaitan dengan remaja kerana remaja lebih terdedah dengan pengaruh lain dan lebih beremosi dalam melakukan serta membuat keputusan mereka. Menurut Azizi & Jaafar (2005), kebanyakkan golongan remaja mengalami perubahan daripada segi pegangan penghargaan kendiri. Oleh itu, remaja perlu dibimbing melalui pendekatan pendakwah yang boleh dimanfaatkan untuk berinteraksi dengan remaja.

Kesimpulan

Tugas pendakwah ialah menyebarkan dakwah dan membimbing *mad'u* kembali ke jalan yang benar. Tanggungjawab pendakwah bukanlah tugas yang mudah kerana ia melibatkan masyarakat dan harus berada dalam lingkungan masyarakat untuk menyelesaikan masalah. Penglibatan wanita dalam dakwah remaja sangat diperlukan seiring dengan pendakwah lelaki supaya saling lengkap melengkapi dalam menyelesaikan masalah penghargaan kendiri remaja. Penghargaan kendiri remaja yang rendah berpuncu dari pelbagai masalah kendiri dalam diri remaja. Oleh itu, hubungan ciri-ciri pendakwah wanita bersama golongan remaja dapat membentuk penghargaan kendiri yang positif melalui penyampaian ilmu-ilmu agama. Pendekatan pendakwah terhadap remaja amat digalakkan kerana dapat membantu remaja membina penghargaan kendiri mereka.

Oleh itu, pendakwah yang mempunyai ciri-ciri seperti berilmu pengetahuan, berpenampilan Islam, berakhhlak, memberi contoh teladan yang baik, lembut lunak dan hatinya sentiasa mengingati Allah s.w.t dapat dimanfaatkan dalam pelaksanaan dakwah remaja. Pendakwah wanita juga amat diperlukan dalam membantu golongan remaja perempuan untuk berkongsi mengenai masalah remaja perempuan secara lebih mendalam.

Penghargaan

Kertas kerja ini merupakan hasil projek penyelidikan bertajuk ‘Pembentukan Model Dakwah Fardiyyah Melalui Pendekatan Taubat Bagi Meningkatkan Penghargaan Kendiri Remaja Berisiko Di Malaysia’ di bawah skim penyelidikan mygrant Fundamental Research Grant Scheme (Kod Projek: FRGS/1/2017/SSI03/UNISZA/02/2 1-RR232)..

Rujukan

- Anidah Ithin. 1991. Konsep kendiri di kalangan remaja perempuan :perbandingan di antara penghuni pusat pemulihan akhlak dan pelajar sekolah. Latihan Ilmiah. Jabatan Psikologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Asma Tuz Zahra, Manzoor Hasan Arif & Muhammad Imran Yousuf. 2010. Relationship of academic, physical and social self concept of student with their academic achievement. *Contemporary Issues In Educational Research* 3(3): 73-78.
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif. 2005. *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Publication & Distributors.
- Azyyati Mohd Nazim. 2015. Aktiviti-Aktiviti Pendakwah Wanita NGO Islam Dan Pengaruhnya Terhadap Dakwah Remaja Berisiko. *E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (iCASiC2015)*. Kuala Lumpur.
- Darwazah, Muhammad Izzat. 1981. *Al-Dustur al-Qurani wa al-Sunnah al-Nabawiyyah Fi Shu'un al-Hayat*. Beirut: Maktab al-Islami. Jld 1. Hlm 24-26.
- Faisal Othman. 1993. *Kedudukan Dan Peranan Wanita Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities. e-Bangi* 1(7): 84-93.
- Ibn Miskawayh. 1966. *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: American University of Beirut.
- Kassab, Akram. 2010. *Metode Dakwah Yusuf al-Qardhawi*. Terjemahan. Jakarta Timur: Pustaka al- Kautsar.
- Kaulah Abdul Latief Al-Atiqi. 1997. *Wanita Islam Hari Ini: Kerja & Fungsinya*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Marsh, H. W. & Craven, R. G. 2003. *Reciprocal effects of self-concept*. Australia: University of Western Sydney.

- Mimi Hanida Abdul Mutalib. 2008. *Roses among thorns: The emergence and expansion of contemporary female da'ies in Malaysia* (PhD dissertation). Australia: University of Queensland.
- Mohd Ismail, M. 2006. *Pemetaan dakwah di Negeri Johor: kajian lokasi, metodologi & pengaplikasianya di Skudai, Kulai, Pasir Gudang dan Johor Bahru*. UTM: Pusat pengajian Islam dan pembangunan sosial.
- Mohd Salleh Lebar. 1994. *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nor Raudah Siren. 2013. *Retorik Penulisan Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya.
- Nurul Badriyah Ali. 2017. *Metodologi pendakwah dalam program bimbingan remaja wanita bermasalah di Dar As-Saadah, Raudhatus Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah*. Sains Insani eISSN: [0127-7871].
- al-Qaradawi, Yusuf. 2009. *Thafaqah al-Da'iyyah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Rida, Akram. 2000. *Murahiqah Bila Azimmah Tarwid al-Asifah*. Maydan Sayyidah Zainab: Dar al-Tawzi wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Rogers, C.R. 1951. *Client Centered Therapy: Its Current Practice, Implication and Theory*. Boston: Houghton Mifflin.
- Suraiya Ishak. 2011. Model kepemimpinan etika berlandas sirah Nabi Muhammad SAW. *Jurnal Hadhari* 3(2): 23-44.
- Yusuf Zulkifli. 2004. Gejala Sosial dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian dari Perspektif Wahyu. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme*: Langkawi.
- Zaki Masy'al. 1985. *Al-Ni'mah al-Kubra: Sorotan Pemikiran Dakwah Islamiyyah*. Kaherah: Mathba'ah al-Sa'adah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 2009. *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*. Terjemahan. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Zulkifli Abd Hamid, Muhammad Yusuf Marlon, Syarul Azman & Mariam Abd Majid. 2015. *Pengantar Ilmu Dakwah*. Selangor : Ibooks Centre.